

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam mencapai 30 peratus wanita sebagai Pengarah dan memperjuangkan hak wanita dalam melibatkan diri dalam politik serta dipilih sebagai perwakilan wanita untuk menjadi calon.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) di syarikat awam (*Public Companies*) hingga 31 Disember 2014, adalah sebanyak 16 peratus iaitu 3,513 orang daripada keseluruhan ALP yang berjumlah 21,948 orang. Syarikat awam ini merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies*) yang mana bilangan ALP wanita adalah sebanyak 566 orang dan syarikat tidak tersenarai awam (*Non-Public Listed Companies*) yang mana bilangan ALP wanita adalah sebanyak 2,947 orang. Bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, hingga November 2014, jumlah ALP wanita adalah 123 orang iaitu 17 peratus daripada keseluruhan ALP yang berjumlah 736 orang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang memastikan kumpulan wanita yang kompeten supaya dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat tersenarai awam (*PLC*). Sehubungan itu, Kementerian sedang melaksanakan Program Pengarah Wanita atau *Women Directors'*

Programme semenjak tahun 2012, yang mana **hingga 31 Disember 2014, seramai 974 calon pengarah wanita telah dilatih.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian wanita dalam bidang politik Negara kita pada masa kini adalah masih rendah. Peratusan ahli Dewan Rakyat wanita susulan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU Ke-13) adalah 10.4% daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Bagi Dewan Negara pula, peratus wanita dalam kalangan Ahli Dewan Negara pada Disember 2014 ialah 25.8% berbanding 28.8% pada Disember 2013. Walau bagaimanapun, statistik penyertaan wanita dalam PRU Ke-13 sebagai calon wanita yang bertanding telah meningkat kepada 168 orang berbanding 120 orang dalam PRU Ke-12 sebelum ini. **Perkembangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 40%** daripada jumlah keseluruhan 1,901 calon yang bertanding dalam PRU Ke-13.

Bagi memartabatkan peranan wanita dalam bidang politik, parti-parti politik perlu terlebih dahulu menghayati Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kesediaan, komitmen dan keyakinan

pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya serta Ahli Dewan Negara.

Antara tindakan yang diperakukan oleh Kerajaan di bawah Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita adalah:

- (i) mengadakan latihan membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda;
- (ii) mengadakan latihan kepekaan gender kepada ahli politik / individu yang cenderung kepada politik;
- (iii) memberi kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita kepada pemimpin di setiap peringkat dalam sektor politik;
- (iv) mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan organisasi politik;
- (v) memberi penugasan substantif kepada sekurang-kurangnya 30% pemimpin wanita berdasarkan kebolehan dan kompetensi;

- (vi) mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik dan kepimpinan;
- (vii) memberi latihan dan kempen kesedaran dalam kalangan ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti; dan
- (viii) menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan.